

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN NO. 467

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan Kementerian berhasrat untuk memberikan pengecualian hutang kepada peneroka FELDA untuk tunggakan hutang yang belum dijelaskan, terutamanya kepada golongan warga emas dan golongan yang terdesak dari segi kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada pengecualian potongan hutang kepada peneroka warga emas dan golongan terdesak dari segi bantuan kewangan yang dilaksanakan.
2. Namun begitu, FELDA mempunyai Dasar Pendapatan Minima Peneroka yang telah diperkenalkan oleh sejak Mei 1988 iaitu sebanyak RM350 pada ketika itu dan dinaikkan kepada RM600 pada tahun 2000 serta kepada RM1,000 pada tahun 2009.
3. Berdasarkan Dasar Pendapatan Minima Peneroka, sekiranya pendapatan kasar peneroka kurang dari RM1,000 setelah ditolak kos operasi kebun, potongan Bayaran Kembali (BK) kebun akan ditangguhkan. Walau bagaimanapun, potongan hutang persendirian seperti Hutang Kedai, Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka, saham FGV dan caruman tanam semula diteruskan seperti biasa.

4. Kos operasi kebun ialah meliputi urusan penuaian, pengangkutan hasil Buah Tandan Segar (BTS), baja (bahan dan upah) serta jalan pertanian.

5. Walaupun penangguhan potongan Bayaran Kembali (BK) kebun dibenarkan, ia akan menyebabkan hutang peneroka tidak dapat dikutip dan tertunggak serta menjejaskan aliran tunai FELDA.

Sekian, terima kasih.